



KP(BS) 8591/Jld.XVII (6)

6 Jun 2001

Semua Pengarah Pendidikan Negeri

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 6/2001 :***

***Peringatan Mengenai Pengaruh Negatif Cybercafe  
dan Pusat Permainan Video Terhadap Murid-Murid Sekolah***

Kementerian Pendidikan memandang berat akan perkembangan terkini mengenai bertambahnya bilangan penglibatan murid-murid sekolah dengan perkhidmatan teknologi maklumat (IT) di Cybercafe dan aktiviti permainan video di Pusat Permainan Video. Terdapat laporan yang menyatakan bahawa kegiatan di Cybercafe dan Pusat Permainan Video mempunyai banyak unsur-unsur negatif yang boleh mempengaruhi murid-murid sekolah. Oleh sebab Cybercafe dan Pusat Permainan Video adalah merupakan syarikat perniagaan swasta yang berada di luar kawasan sekolah, maka pihak sekolah tidak mempunyai kuasa untuk melarang orang awam, termasuk murid-murid sekolah daripada mengunjungi premis tersebut. Oleh hal yang demikian, perkara yang paling membimbangkan ialah murid-murid sekolah terdedah kepada penyalahgunaan aktiviti-aktiviti tersebut, khususnya penerokaan yang ditumpukan kepada perkara negatif seperti bahan-bahan lucah dan perjudian haram yang boleh melalaikan serta memesongkan tumpuan mereka terhadap pelajaran dan kegiatan lain yang lebih sihat, sama ada di sekolah maupun di rumah.


2. Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Bahagian/Daerah, dan sekolah mempunyai tanggungjawab untuk mendidik murid-murid sekolah tentang kesan negatif serta keburukan yang dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti Cybercafe dan Pusat Permainan Video yang dinyatakan di atas. Sehubungan dengan itu, Surat Pekeliling Ikhtisas ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memperingatkan semua Pengetua dan Guru Besar supaya mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi memastikan murid-murid sekolah tidak terlibat dengan gejala yang boleh diperoleh di premis-premis tersebut. Selain daripada itu, pihak sekolah mesti mempertingkatkan serta memantapkan aktiviti-aktiviti kokurikulum dan rekreasi yang menyeronokkan agar dapat menarik penglibatan aktif murid. Semoga kegiatan seperti ini bukan sahaja dapat menghindar daripada apa juga budaya negatif, malah ia dapat memperkasakan pembentukan sahsiah dan emosi murid-murid.

3. Sehubungan dengan itu, Pengetua dan Guru Besar sekolah hendaklah menerangkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua murid di sekolah masing-masing. Selain daripada itu, Pengetua dan Guru Besar juga dikehendaki mendapatkan kerjasama daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) di sekolah masing-masing, pihak operator Cybercafe dan Pusat Permainan Video, dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk sama-sama memantau kegiatan murid-murid sekolah di premis-premis yang berkenaan. Kerjasama dan Permuafakatan semua pihak adalah diperlukan untuk memastikan Surat Pekeliling Ikhtisas ini dipatuhi. Manakala, tindakan disiplin yang sesuai hendaklah diambil terhadap mana-mana pelajar yang terlibat dalam kegiatan negatif tersebut.

4. Sila maklumkan kandungan Surat Pekeliling Ikhtisas ini kepada semua Pengetua dan Guru Besar di negeri Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan.

Sekian. Terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**DATUK ABDUL RAFIE BIN MAHAT**  
Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia

- s.k
1. Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad  
Menteri Pelajaran Malaysia
  2. Y.B. Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  3. Y.B. Dato' Hon Choon Kim  
Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia
  4. Y.B. Dato' Mahadzir bin Mohd Khir  
Setiausaha Parliman, Kementerian Pendidikan Malaysia
  5. Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia
  6. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  7. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
  8. Ketua-Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan Malaysia
  9. Ketua Jemaah Nazir Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia
  10. Ketua Perhubungan Awam, Kementerian Pendidikan Malaysia